

SENU TERASA TEGURAN PM

20 MAY 1985

KUALA LUMPUR - Bekas Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Senu Abdul Rahman mensifatkan kenyataan Perdana Menteri/Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad yang mahu pemimpin lama mengundurkan diri sebagai dituju khas kepada dirinya.

"Saya tidak bermaksud mengulas kenyataan Perdana Menteri itu. Tetapi kerana saya orang lama dan kebetulan baru sahaja kalah dalam merebut jawatan ketua UMNO Bahagian Kepong, jadi saya terasa kenyataan itu ditujukan khas kepada saya dan rakan-rakan yang lain," tegasnya.

Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Kubang Pasu Ahad lalu telah disebut sebagai berkata akan mengundurkan diri jika keimpinannya sudah tidak diperlukan oleh parti dan sebaliknya akan meneruskan jika seluruh ahli-ahli UMNO masih berkehendakkan beliau memimpin.

Kata Datuk Senu kalau benar fahaman saya itu, saya suka mengingatkan Dr. Mahathir bahawa tidak seorang pemimpin pun dalam UMNO yang boleh mencabar pemimpin lain walaupun kalah untuk

Oleh: SITI MARYAM

mengundurkan diri khasnya dari UMNO.

Kerana UMNO, menurut tokoh veteran itu, bukanlah hak sesiapa, tetapi adalah hak ahli-ahli UMNO sendiri.

"Ahli-ahli juga yang berhak menentu dan memilih siapa yang layak menjadi pemimpin mereka melalui pertandingan."

"Soal muda atau tua tidak timbul. Yang penting ialah kebolehan serta kejujuran seseorang itu patut menjadi ukuran," tegasnya.

"Saya bimbang dengan pandangan dan pendapat Perdana Menteri itu, kalau-kalau beliau akan dituduh sebagai bersifat bongkak dan memandang rendah kepada pemimpin-pemimpin lama."

"Sedangkan beliau sendiri pernah mengatakan kita patut belajar dari sejarah naik dan jatuhnya seseorang pemimpin. Sepatutnya, Perdana Menteri mengambil iktibar tersebut kerana sejarah adalah guru yang boleh mengajar seseorang," tegurnya.

Datuk Senu berpendapat, perkataan lama dan baru inilah yang telah menyebabkan perpecahan dan pergeseran dalam UMNO selama ini.